

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN OSCAR LING CHAI YEW
(SIBU)**
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 26.10.2017

Y.B. TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan keterangan siasatan oleh Syarikat MCIS kepada Bank Negara Malaysia, kerana mangsa tidak dimaklumkan mengenai hasil siasatan daripada Syarikat MCIS. Bolehkah Bank Negara Malaysia menyiasat semula hasil siasatan MCIS .

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak MCIS Insurance Berhad (MCIS) telah beberapa kali berjumpa dengan pengadu-pengadu yang juga pemegang polisi insurans MCIS pada tarikh-tarikh dan di tempat-tempat seperti berikut :

- i) Pada 14 dan 15 April 2017 di Sibu, Sarawak;
- ii) Pada 16 April 2017 di Kuching, Sarawak; dan
- iii) Pada 26 April 2017 di Petaling Jaya, Selangor.

Dalam pertemuan tersebut, MCIS telah memaklumkan kepada pengadu hasil siasatan yang telah dijalankan dan keputusan yang diambil oleh pihak syarikat. MCIS juga telah memaklumkan kepada pengadu bahawa jika mereka tidak berpuas hati dengan keputusan MCIS, mereka dinasihatkan supaya membuat rayuan bertulis beserta dengan dokumen-dokumen sokongan bagi mengesahkan aduan mereka ke atas penipuan insurans yang telah dilakukan oleh ejen-ejen insurans MCIS. Sehingga ke hari ini, pihak MCIS tidak menerima sebarang rayuan bertulis daripada pengadu.